

SEJARAH DAN BUDAYA MEGALITIK PENAMPANG, SABAH

History and Megalithic Culture of Penampang, Sabah

Afrina Shafri Khan¹
Zainuddin Baco²

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹afrinashafrikhan@gmail.com

²zainuddin@ums.edu.my

Dihantar:21 Julai 2024 / Diterima:11 Sept. 2024 / Terbit:31 Dis 2024

Abstrak

Artikel ini membincangkan sejarah dan budaya megalitik di Penampang, Sabah, dengan memberi tumpuan kepada asal usul dan budaya megalitik di kawasan tersebut. Daerah Penampang merupakan sebuah daerah yang mempunyai taburan megalitik terbanyak di Sabah dan masyarakat utama yang menduduki daerah ini adalah masyarakat Kadazan-Dusun. Kewujudan megalitik ini merupakan sebahagian warisan budaya masyarakat Kadazan-Dusun dan merupakan bukti arkeologi penting yang mencerminkan kehidupan dan kepercayaan masyarakat lampau. Kajian ini turut merangkumi penemuan arkeologi terkini yang membantu memahami fungsi dan makna megalitik dalam konteks sosial, keagamaan, dan budaya masyarakat tempatan. Melalui analisis taburan megalitik, kajian ini menilai corak penempatan dan kepentingan lokasi-lokasi tertentu dalam landskap budaya, sekali gus memberikan gambaran menyeluruh tentang pola penempatan dan struktur sosial masyarakat purba.

Kata Kunci: Tradisi Megalitik, Warisan Budaya, Penampang

Abstract

This article discusses the history and culture of megalithics in Penampang, Sabah, focusing on the origin and culture of megalithics in the area. The Penampang district is a district with the most megalithic distribution in Sabah and the main community that occupies this district

is the Kadazan-Dusun community. This megalithic existence is part of the cultural heritage of the Kadazan-Dusun community and is an important archaeological evidence that reflects the life and beliefs of the past community. This study also includes recent archaeological findings that help understand the function and meaning of megalithic in the social, religious, and cultural context of the local community. Through the analysis of megalithic distribution, this study evaluates the settlement patterns and the importance of certain locations in the cultural landscape, thus providing a comprehensive picture of settlement patterns and the social structure of ancient societies.

Keywords: Megalithic tradition, Cultural heritage, Penampang

Pengenalan

Penampang, sebuah daerah yang terletak di pantai barat Sabah, Malaysia dan terkenal dengan warisan budayanya yang kaya, terutamanya dalam kalangan masyarakat Kadazan-Dusun. Salah satu aspek budaya yang menonjol di kawasan ini ialah kewujudan struktur batu besar atau megalitik, yang telah lama menjadi simbol penting dalam sejarah dan kepercayaan tempatan. Menurut Aswani dan Kumar megalitik merujuk kepada struktur batu besar yang dibina oleh masyarakat purba untuk pelbagai tujuan, termasuk upacara keagamaan, penghormatan kepada nenek moyang, dan penanda makam (Aswani dan Kumar, 2018: 647). Budaya megalitik dipercayai telah wujud sejak zaman prasejarah dan terus memainkan peranan penting dalam membentuk identiti budaya komuniti setempat.

Kehadiran struktur-struktur ini menandakan kewujudan sistem sosial yang teratur dan kepercayaan yang kukuh dalam masyarakat purba (Rosmawati, *et. al*, 2022: 115). Selain berfungsi sebagai tugu peringatan, megalitik juga dianggap sebagai simbol kuasa, status sosial, dan spiritualiti yang mendalam (Fagan, B. 1995). Kajian tentang megalitik di Penampang amat penting bukan sahaja untuk memahami sejarah awal Sabah tetapi juga untuk memelihara warisan budaya yang unik ini. Dengan pembangunan yang pesat di kawasan tersebut, terdapat kebimbangan bahawa tapak-tapak megalitik ini akan terancam dan memerlukan usaha pemuliharaan yang lebih sistematik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka sejarah awal dan perkembangan budaya megalitik, teori kemunculan Megalitik, hubungan dengan

Masyarakat Kadazan-Dusun dan Tradisi Tempatan, kajian arkeologi dan penemuan terkini.

Sejarah Awal dan Perkembangan Budaya Megalitik

Budaya megalitik merujuk kepada penggunaan batu besar dalam pembinaan struktur dan monumen yang berkaitan dengan upacara, ibadat, atau pemujaan di kalangan masyarakat prasejarah. Budaya ini terdapat di banyak bahagian dunia, termasuk Asia Tenggara, Eropah, dan Afrika, dan ia dipercayai bermula pada Zaman Neolitik, sekitar 3,000 hingga 1,200 SM. Megalitik pertama kali muncul di Asia Tenggara pada zaman prasejarah, terutama di kawasan yang kini dikenali sebagai Malaysia, Indonesia, dan Filipina. Keberadaan monumen megalitik di kawasan ini menunjukkan bahawa masyarakat prasejarah sudah mengembangkan kemampuan teknikal dan spiritual yang kompleks. Struktur seperti menhir (tiang batu), dolmen (meja batu), dan cromlech (lingkaran batu) adalah contoh utama dari budaya megalitik ini (Muhlis Hadrawi, 2016).

Di Malaysia, khususnya di Sabah, terdapat banyak tapak megalitik yang memperlihatkan kewujudan masyarakat awal yang memanfaatkan batu sebagai alat penting dalam kehidupan mereka. Tapak megalitik di sekitar Penampang dan Kinarut menunjukkan bahawa batu-batu ini digunakan oleh masyarakat awal sebagai tempat pemujaan dan alat untuk mempengaruhi hasil pertanian—terutamanya dalam kepercayaan bahawa batu-batu ini mampu membawa tuah atau memperkayakan hasil tanaman mereka. Namun, fenomena pemodenan dan peralihan kepercayaan menyebabkan budaya megalitik semakin dilupakan oleh generasi kini. Keadaan ini dilihat dalam pengurangan bilangan batu megalit yang tersergam di pelbagai lokasi, seperti di tepi jalan atau sawah padi, yang akhirnya terabaikan dan mengalami kerosakan disebabkan faktor cuaca, serangga, dan usia. Seperti yang disatakan oleh Dobby (1967), bahan organik seperti kayu dan kulit binatang yang digunakan dalam struktur awal akan mudah musnah akibat persekitaran. Oleh itu, banyak struktur megalitik yang hilang nilai sejarah dan budaya mereka, menjadikannya sukar untuk dikaji dan dikenali dengan tepat (Samsudin, *et. al*, 2015: 61).

Penggunaan teknologi terkini, seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS), dapat membantu dalam mendokumentasikan dan memetakan tapak arkeologi megalitik ini dengan lebih berkesan. Seperti yang

dicatatkan dalam kajian Conolly dan Lake (2006), GIS menyediakan alat untuk menganalisis dan memvisualisasikan lokasi-lokasi penting yang dapat meningkatkan pemahaman tentang taburan tapak megalitik dan memberi gambaran lebih mendalam tentang sejarah serta perkembangan masyarakat purba di Sabah, khususnya dalam konteks budaya dan ekonomi mereka yang bergantung kepada pertanian (Samsudin, A. et. al, 2015: 61). Secara keseluruhannya, sejarah awal budaya megalitik di Asia Tenggara, terutamanya di Sabah, bukan sahaja menggambarkan teknologi pembinaan dan kepercayaan spiritual masyarakat purba, tetapi juga menunjukkan pengaruh besar alam semula jadi dalam kehidupan mereka. Melalui kajian dan pemeliharaan tapak-tapak ini, kita dapat memahami lebih dalam tentang hubungan manusia dengan alam serta peranan yang dimainkan oleh struktur batu ini dalam membentuk budaya dan masyarakat masa lampau.

Teori dan Hipotesis Tentang Kemunculan Megalitik di Sabah

Menurut Ruzairy Arbi dalam penulisan yang ditulis oleh Zainuddin Baco terdapat dua teori utama mengenai asal usul tradisi Megalitik di Malaysia dan Sabah. Teori pertama, yang dikemukakan oleh ahli arkeologi dan antropologi seperti Othman Yatim, Abdul Jalil Osman, Kamarul Bahrin Buyong, dan Peter R. Phelan berpendapat bahawa kebudayaan Megalitik di Malaysia berkembang melalui proses "Cultural diffusion" atau penyebaran budaya dari luar, yang berlaku secara berperingkat. Menurut teori ini, budaya Megalitik yang pertama kali diperkenalkan melalui interaksi antara masyarakat tempatan dengan masyarakat luar, seperti dari India atau kawasan Asia Tenggara yang lain. Proses penyebaran ini diikuti dengan adaptasi dan integrasi elemen-elemen budaya luar dalam kebudayaan tempatan, membentuk satu tradisi yang unik dan berbeza, sesuai dengan keperluan dan konteks masyarakat setempat (Ruzairy Arbi, 2017).

Teori kedua, yang dikemukakan oleh Tom Harrison dan Baszley Bee, menyatakan bahawa kebudayaan Megalitik sebenarnya berasal dari budaya tempatan. Mereka berpendapat bahawa tradisi mendirikan monumen batu telah wujud lebih awal di Sabah dan Sarawak sebelum pengaruh luar datang. Berdasarkan penemuan-penemuan arkeologi, seperti yang ditemui di kawasan pantai barat dan pedalaman Sabah serta Tanah Tinggi Kelabit di Sarawak, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat setempat telah membina struktur Megalitik tanpa pengaruh luar yang jelas. Penemuan ini menunjukkan

bahawa masyarakat tempatan di Sabah dan Sarawak telah mengembangkan kebudayaan Megalitik mereka secara mandiri, dengan ciri-ciri unik yang tidak bergantung pada tradisi dari luar. Kedua-dua teori ini memberikan perspektif yang berbeza tentang asal usul kebudayaan Megalitik di Malaysia dan Sabah, dengan satu teori menekankan pengaruh luar dan satu lagi menekankan perkembangan budaya tempatan. Keduanya memberikan sumbangan yang penting dalam memahami bagaimana kebudayaan Megalitik terbentuk dan berkembang di kawasan ini (Ruzairy Arbi, 2017).

Hubungan Megalitik dengan Masyarakat Kadazan-Dusun dan Tradisi Tempatan

Masyarakat Kadazan-Dusun, yang merupakan salah satu suku kaum utama di Sabah, mempunyai hubungan yang sangat erat dengan budaya megalitik, yang memperlihatkan pengaruh penting dalam tradisi dan kepercayaan mereka. Dalam konteks ini, budaya megalitik bukan hanya merujuk kepada penggunaan batu besar dalam pembinaan struktur, tetapi juga menggambarkan peranan penting batu dalam sistem kepercayaan dan aktiviti harian masyarakat Kadazan-Dusun. Batu megalitik bagi masyarakat Kadazan-Dusun bukan sekadar bahan binaan, tetapi sering dianggap sebagai objek yang mempunyai nilai spiritual yang tinggi. Batu-batu besar, seperti menhir, dipercayai sebagai simbol kekuatan atau entiti roh yang mempunyai kuasa untuk melindungi dan memberkati masyarakat. Banyak batu megalitik yang ditemui di sekitar kawasan perkampungan Kadazan-Dusun berfungsi sebagai tempat pemujaan atau perantaraan antara manusia dengan dunia roh, terutamanya dalam ritual keagamaan dan upacara adat. Batu-batu megalitik juga sering kali digunakan dalam upacara yang berkaitan dengan pertanian, yang merupakan aktiviti utama dalam kehidupan masyarakat Kadazan-Dusun. Mereka percaya bahawa batu yang diletakkan di tempat-tempat tertentu mampu membawa keberkatan dan hasil pertanian yang subur. Contohnya, dalam upacara Kaamatan, yang merupakan festival penuaian padi bagi masyarakat Kadazan-Dusun, batu megalitik atau menhir sering digunakan dalam ritual pemujaan untuk memohon hasil pertanian yang baik (Yunus Sauman Sabin, *et. al*, 2018).

Selain dari aspek keagamaan, batu megalitik juga berfungsi sebagai penanda tempat dan tanda kehormatan. Batu-batu ini sering kali diletakkan di kawasan penting atau tempat yang dianggap suci oleh

masyarakat Kadazan-Dusun. Dalam banyak kes, batu menhir atau dolmen digunakan untuk menandakan tempat petempatan awal atau sebagai tanda untuk menghormati orang yang telah meninggal dunia, khususnya pemimpin atau tokoh penting dalam komuniti. Megalitik dalam bentuk menhir di Sabah juga dipercayai berfungsi sebagai tanda pemisah atau sempadan antara kampung atau wilayah yang berbeza. Struktur ini berperanan sebagai simbol pengiktirafan kepada pengaruh ketua-ketua suku atau adat yang lebih tua dalam masyarakat. Dengan kata lain, batu megalitik ini juga memainkan peranan penting dalam memelihara struktur sosial masyarakat Kadazan-Dusun (Kong Teck Sieng & Oliver Valentine Eboy, 2021: 38).

Secara keseluruhannya, hubungan antara budaya megalitik dengan masyarakat Kadazan-Dusun adalah sangat mendalam, bukan sahaja dalam konteks keagamaan dan sosial, tetapi juga sebagai satu bentuk warisan budaya yang dihargai. Batu megalitik, dengan segala simbolisme dan kepercayaan yang melingkupinya, memperlihatkan bagaimana masyarakat purba ini berinteraksi dengan alam dan roh mereka, serta bagaimana ia terus mempengaruhi budaya dan tradisi tempatan hingga ke hari ini.

Kajian Arkeologi dan Penemuan Terkini

Kajian arkeologi yang dijalankan di Penampang telah menemui beberapa lokasi penting yang menempatkan batu-batu megalitik. Lokasi ini merangkumi kawasan kampung tradisional dan tapak-tapak yang dipercayai digunakan untuk ritual serta pengkebumian. Data awal menunjukkan bahawa batu-batu megalitik ini tertumpu di kawasan tanah tinggi dan berhampiran sungai, yang menunjukkan hubungan penting antara geografi dan fungsi budaya batu ini. Selain itu, penemuan ini memberikan petunjuk tentang teknik pembinaan dan pengangkutan batu-batu besar oleh masyarakat purba di Penampang. Analisis lebih lanjut sedang dijalankan untuk memahami corak penyebaran ini serta kaitannya dengan sistem sosial dan kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun.

Jadual 2: Lokasi dan Taburan Penemuan Batu Megalitik di daerah Penampang

Bil.	Kawasan	Jumlah	Catatan
1.	Muzium Komuniti Kampung Pogunon	34	<ul style="list-style-type: none"> • Tapak pengebumian masyarakat Kadazandusun di Kampung Pogunon.
2.	Kampung Inobong	2	<ul style="list-style-type: none"> • Menhir tanda semua etnik tapak Tamu Kg. Inobong. • Batu Pendamaian Pergaduhan.
3.	Kampung Sugud	8	<ul style="list-style-type: none"> • Batu didirikan sebagai tanda bahawa beliau tidak mempunyai waris lelaki. • Batu sempadan tanah atau kawasan pertanian
4.	Pinapah Kondis	2	<ul style="list-style-type: none"> • Batu sempadan tanah atau kawasan pertanian
5.	Buit Hill	2	<ul style="list-style-type: none"> • Batu ini dikaitkan dengan individu atau tokoh bobohizan yang dikenali sebagai "menteri babu" • Batu nisan
6.	Bungon Hungap	2	<ul style="list-style-type: none"> • Batu sempadan tanah atau kawasan pertanian.
7.	Kampung Puun Tanoh	2	<ul style="list-style-type: none"> • Batu sempadan tanah atau kawasan pertanian.
8.	Kampung Kitau	3	<ul style="list-style-type: none"> • Batu sempadan milik keluarga • Batu sempadan tanah, turut digunakan oleh masyarakat terdahulu untuk berhubung antara satu sama lain khususnya pasangan yang bercinta.
9.	Kampung Kurai	1	<ul style="list-style-type: none"> • -
10.	Monsopiad Cultural Village	2	<ul style="list-style-type: none"> • Batu Sumpah Gintutun • Batu Kubur Monsopiad
11.	Kampung Nambazan	1	<ul style="list-style-type: none"> • Batu sempadan • Tanah kubur
12.	Kampung Sosopon / Tolungan	5	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda atau cabaran kepada individu yang mampu mengangkat / memulangkan semula batu ke Sungai. • Batu peristiwa atau batu peringatan • Batu Nisan

			<ul style="list-style-type: none"> • Batu perjanjian atau batu tagal pertama
13.	Kampung Tirian	17	<ul style="list-style-type: none"> • Batu sumpah • Batu pendamaian • Batu nisan penduduk awal • Batu Nisan yang merupakan tapak kubur beramai-ramai.
14.	Kampung Buayan	6	<ul style="list-style-type: none"> • Batu peristiwa / batu perjanjian • Batu Nisan Tanggalong • Batu Lawatan

Sumber: Institut Pembangunan Sabah (IDS) dan Universiti Malaysia Sabah, 2024.

Analisis dan perbincangan

Berdasarkan kajian dan jumpaan terkini, terdapat 14 kampung di Penampang yang dikenal pasti mempunyai 87 batu megalitik. Penemuan ini membuktikan bahawa kawasan Penampang merupakan salah satu pusat utama budaya megalitik di Sabah. Kehadiran batu-batu megalitik ini berkait rapat dengan Pusat Petempatan Awal dan Tradisi Kepercayaan Animisme. Dalam konteks ini, Penampang dipercayai menjadi tapak petempatan awal bagi masyarakat Kadazan-Dusun yang mengamalkan kepercayaan animisme sebelum kemasukan agama moden. Batu-batu megalitik ini digunakan dalam ritual keagamaan dan upacara pemujaan yang bertujuan untuk memohon kesuburan tanah dan hasil pertanian. Sebagai masyarakat yang bergantung kepada pertanian, mereka percaya bahawa roh yang dipuja melalui batu-batu ini dapat membawa kemakmuran. Selain itu, perantara roh nenek moyang. Batu ini dianggap sebagai simbol kehadiran roh nenek moyang yang dihormati dan dipuja bagi mendapatkan perlindungan dan bimbingan (Suraya Sintang, 2003: 62).

Batu-batu megalitik yang ditemui di 14 kampung di Penampang bukan sahaja melambangkan peninggalan sejarah, tetapi turut berfungsi sebagai penanda sosial dan status masyarakat. Batu-batu ini digunakan sebagai penanda kubur atau monumen peringatan untuk memperingati ketua suku dan pemimpin penting dalam masyarakat. Selain itu, ia juga menjadi simbol kekuasaan dan status sosial yang menonjolkan hierarki masyarakat melalui saiz dan reka bentuknya, di mana batu yang lebih besar dikaitkan dengan tokoh berpengaruh. Di samping itu, batu megalitik ini berperanan sebagai tanda sempadan

wilayah yang memisahkan kawasan kampung atau komuniti berjiran, mengekalkan sistem kawalan dan penghormatan antara komuniti.

Dalam aspek kepercayaan, masyarakat Kadazan-Dusun mempunyai hubungan yang erat dengan alam sekitar, dan batu megalitik sering dikaitkan dengan kekuatan semula jadi yang dianggap sacral (Minah Sintian, 2013). Batu ini dipercayai menyimpan kuasa spiritual yang mampu melindungi kampung daripada ancaman roh jahat dan musibah. Fungsi simbolik ini mencerminkan kepercayaan animisme masyarakat dahulu terhadap kuasa alam yang dihormati dan dipuja untuk kesejahteraan hidup. Batu-batu ini juga dianggap sebagai pelindung dan sumber kekuatan dalam memastikan keharmonian dan kestabilan dalam komuniti.

Penemuan batu-batu megalitik di kampung-kampung ini turut menjadi bukti kepada penghijrahan dan adaptasi budaya masyarakat Kadazan-Dusun. Sebaran batu ini menggambarkan perkembangan petempatan yang meluas, menunjukkan kewujudan masyarakat yang dinamik dan mampu berpindah dari satu kawasan ke kawasan lain. Adaptasi budaya terhadap perubahan persekitaran dan keperluan sosial menjadikan batu megalitik ini sebagai elemen penting dalam mengekalkan struktur sosial dan ekonomi.

Analisis saiz batu megalitik di Penampang menunjukkan perbezaan saiz batu yang digunakan bergantung kepada fungsi dan simbolisme tertentu. Kebanyakan batu nisan ditemui dalam saiz kecil, mungkin kerana ia hanya berfungsi sebagai penanda makam individu dan tidak memerlukan saiz yang besar. Batu nisan kecil ini lebih bersifat praktikal dan mudah diuruskan oleh komuniti. Sebaliknya, batu sempadan yang digunakan untuk menandakan kawasan atau batas wilayah juga cenderung lebih kecil, berfungsi sebagai penanda sempadan yang jelas tanpa menuntut ruang yang luas. Namun, batu sumpah dan batu peristiwa cenderung lebih besar, menggambarkan kepentingan dan keagungan upacara atau peristiwa yang berkaitan. Batu sumpah, yang sering digunakan dalam ritual atau sumpahan, memiliki saiz yang lebih besar kerana ia melambangkan kekuatan dan keteguhan ikatan yang dibuat oleh komuniti. Begitu juga dengan batu peristiwa yang sering digunakan untuk menandakan peristiwa penting dalam sejarah masyarakat, saiznya yang besar melambangkan kesan signifikan dan kebesaran acara tersebut dalam kehidupan sosial dan budaya masyarakat megalitik.

Perbandingan antara megalitik di Penampang, Sabah, dan di Asia Tenggara menunjukkan bahawa meskipun terdapat variasi dalam bentuk dan struktur batu, fungsi utama megalitik di kedua-dua kawasan ini adalah untuk tujuan spiritual dan sosial. Persamaan batu megalitik di Penampang dengan batu megalitik di tempat lain di Asia Tenggara dapat dilihat dari segi kaitan antara batu tersebut dengan tradisi lisan dan cerita lagenda yang diwariskan turun-temurun oleh masyarakat setempat. Sebagai contoh, di Penampang, batu-batu megalitik sering dikaitkan dengan legenda seperti Legenda Gondiran dan Legenda Si Pahit Lidah, yang tidak hanya mempunyai nilai sejarah tetapi juga nilai spiritual dan budaya yang mendalam bagi komuniti setempat. Legenda Gondiran menceritakan tentang seorang pahlawan atau tokoh yang dihormati dalam masyarakat Kadazan-Dusun. Batu-batu tertentu di kawasan Penampang dipercayai menjadi penanda tempat atau peringatan untuk mengenang jasa atau pengorbanan dalam legenda tersebut. Begitu juga dengan Legenda Si Pahit Lidah, yang berkaitan dengan sebuah batu yang dipercayai sebagai simbol sumpahan atau kutukan (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2018). Batu-batu yang besar dan khas ini dipercayai membawa kekuatan mistik dan sering digunakan dalam upacara tradisional untuk menguatkan sumpah atau perjanjian. Di tempat lain di Asia Tenggara, seperti di Borneo atau Sumatera, batu-batu megalitik juga dikaitkan dengan cerita-cerita legenda yang melibatkan pahlawan, dewa, atau roh nenek moyang. Batu-batu tersebut bukan hanya berfungsi sebagai monumen fizikal, tetapi juga sebagai media untuk menghubungkan dunia manusia dengan dunia spiritual. Sebagai contoh, batu-batu besar yang ditemukan di Indonesia sering kali dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat terhadap kekuatan alam dan roh leluhur, serupa dengan bagaimana masyarakat Penampang melihat batu megalitik sebagai simbol penghormatan terhadap nenek moyang mereka. Secara keseluruhan, persamaan utama terletak pada cara batu megalitik berfungsi bukan hanya sebagai tanda fizikal, tetapi juga sebagai elemen penting dalam menghubungkan tradisi lisan, kepercayaan, dan identiti budaya masyarakat purba di Asia Tenggara.

Selain itu, perbandingan antara megalitik di Penampang dan megalitik di Toraja menunjukkan persamaan yang ketara dari segi fungsi dan simbolisme budaya yang dikaitkan dengan batu-batu besar tersebut. Di Penampang, batu megalitik banyak digunakan sebagai penanda makam, sempadan, dan peristiwa penting dalam kehidupan masyarakat Kadazan-Dusun. Batu-batu tersebut sering dikaitkan dengan tradisi lisan, cerita legenda, serta upacara ritual yang melibatkan

roh nenek moyang. Begitu juga di Toraja, batu megalitik berfungsi sebagai penanda kubur, dengan tapak perkuburan megalitik yang terkenal sebagai salah satu elemen penting dalam budaya Toraja. Batu-batu besar di Toraja digunakan untuk membina makam-makam yang mewah, serta sebagai simbol penghormatan terhadap roh nenek moyang dan para leluhur (Ron Adam & Guillaume Robin, 2022: 307-321).

Kedua-dua masyarakat ini turut mengamalkan upacara ritual yang melibatkan batu besar, yang menandakan suatu bentuk penghormatan terhadap roh dan peringatan terhadap sejarah masyarakat mereka. Sebagai contoh, di Penampang, batu sumpah digunakan dalam upacara keagamaan untuk mengikat sumpah atau ikatan sosial antara individu dan masyarakat, sementara di Toraja, batu besar digunakan untuk memperingati upacara pemakaman dan penguburan orang penting dalam masyarakat. Kedua-dua masyarakat ini juga memperlihatkan hubungan yang erat antara batu megalitik dan dunia spiritual, di mana batu-batu besar dianggap sebagai simbol kuasa, perlindungan, dan hubungan dengan roh leluhur (Ron Adam & Guillaume Robin, 2022: 307-321).

Namun begitu, kedua-dua kawasan, iaitu di Penampang dan di beberapa tempat lain di Asia Tenggara, berkongsi satu ciri penting, iaitu kebergantungan terhadap alam semula jadi dan batu sebagai bahan untuk mengukuhkan hubungan antara manusia dan alam ghaib. Di Asia Tenggara, penggunaan batu besar ini menunjukkan bahawa masyarakat purba sangat menghargai batu sebagai medium antara dunia fizikal dan dunia roh. Ini seiring dengan kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun di Penampang, yang melihat batu megalitik sebagai penanda hubungan antara kehidupan dan kematian, serta sebagai tempat perlindungan bagi roh nenek moyang (Evans, I.H.N., 1922).

Namun, terdapat perbeaan yang jelas dalam cara batu-batu ini digunakan dan diatur. Sebagai contoh, di Penampang, batu menhir sering dijumpai dalam formasi tunggal atau dalam kumpulan kecil, manakala di Indonesia, seperti di Toraja, batu megalitik boleh ditemukan dalam bentuk yang lebih kompleks, seperti kubur batu yang lebih besar dan lebih berstruktur. Walaupun bentuk dan fungsinya berbeza mengikut tempat, satu persamaan penting adalah kesemua struktur ini menandakan pentingnya hubungan antara manusia, alam, dan roh nenek moyang dalam kehidupan masyarakat purba (Rosmawati R, 2021).

Kesimpulan

Artikel ini memberikan gambaran menyeluruh tentang budaya megalitik di Penampang, Sabah, dengan fokus kepada peranan dan fungsi batu megalitik dalam masyarakat Kadazan-Dusun. Struktur batu besar ini, yang merupakan simbol warisan budaya penting, dipercayai telah wujud sejak zaman prasejarah dan memainkan peranan besar dalam kehidupan sosial, keagamaan, dan kepercayaan masyarakat purba. Batu-batu megalitik ini bukan sahaja digunakan sebagai penanda makam dan tugu peringatan, tetapi juga berfungsi sebagai simbol status sosial, kuasa, dan spiritualiti yang mendalam. Kehadiran megalitik di Penampang mencerminkan kewujudan sistem sosial yang teratur dan hubungan yang rapat antara manusia dan alam sekitar. Batu-batu ini juga mencerminkan kepercayaan animisme dan penghormatan terhadap nenek moyang. Namun, dengan kemajuan pembangunan yang pesat, terdapat kebimbangan bahawa tapak-tapak megalitik ini berisiko untuk hilang atau rosak, sekaligus mengancam kehilangan warisan budaya yang bernilai. Oleh itu, artikel ini menekankan kepentingan kajian arkeologi dan pemeliharaan sistematik tapak-tapak megalitik untuk memastikan warisan ini terus dihargai oleh generasi akan datang. Kajian tentang sejarah awal dan perkembangan budaya megalitik ini bukan sahaja penting untuk memahami lebih mendalam tentang masyarakat Kadazan-Dusun, tetapi juga untuk menjaga kelangsungan budaya mereka di tengah-tengah era moden yang penuh dengan cabaran.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Aswani, O.K., & Kumar, A. (2018). Megalithic Religion: An Archaeological Review of Beliefs and Practices. *Journal of Multidisciplinary Studies in Archaeology*. 6: 647–668.
- Evans, I.H.N. (1922). *Among Primitive Peoples in Borneo: a Description of The Lives, Habits & Customs of The Piratical Head-Hunters of North Borneo, with an Account of Interesting Objects of Prehistoric Antiquity Discovered in The Island*. London: Seeley, Service & Co.
- Fagan, B. (1995). *Ancient Lives: An Introduction to Archaeology and Prehistory*. Boston: Prentice Hall.
- Institut Pembangunan Sabah (IDS) dan Universiti Malaysia Sabah. (2024). *Pemetaan Jejak Warisan Megalitik di Penampang Menggunakan GIS*. Kota Kinabalu: Institut Pembangunan Sabah.

- Kong, T. S., & Eboy, O. V. (2021). Kajian Taburan Batu Megalitik serta Penentuan Sumbernya di Kampung Tobilung Menggunakan Analisis GIS. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(2): 33–52. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.644>.
- Ron Adam & Guillaume Robin. (2022). *Menhirs of Tana Toraja (Indonesia): a Preliminary Etnoarchaeological Assement*. Dalam, Laporte, L., Large, J.-M., Nespolous, L., Scarfe, C., & Steimer-Herbet, T. (Eds.). *Megaliths of the World: Volume I*. Summertown Pavilion: Archaeopress Publishing Ltd.
- Minah Sintian. (2013). Kepercayaan dan Amalan Masyarakat Kadazandusun dalam Pemeliharaan Alam Sekitar. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 1(3), 631–642.
- Muhlis Hadrawi. (2016). *Jejak Awal Wanuwa-Wanuwa Soppeng dan Pertumbuhannya: Kajian Berdasarkan Manuskip*. Dalam, Hasanuddin & Bernadeta. (Ed.). *Lembah Walennae Lingkungan Purba dan Jejak Arkeologi Peradaban Soppeng*. Yogyakarta: Penerbit Ombak dan Balai Arkeologi Sulawesi Selatan.
- Rosmawati, R. (2021). Potensi Tradisi Budaya Megalitik di Tana Toraja sebagai Objek Wisata. *Jurnal Ilmu Budaya*. 9(2): 88-97.
- Rosmawati, R., Duli, A., Nur, M., Yusriana, Y., Saraka, E., Thahir Muda, K., Chia, S., Sauman Sabin, Y., Ramli, Z., Bulbeck, F., & Brumm, A. (2022). The Function and Meaning of Megalithic Cultural Heritage in Some Sites in Bantaeng Regency, South Sulawesi. *MOZAIK HUMANIORA*. 22: 114-128.
- Ruzairy Arbi. (2017). Batu Megalith: Daripada Sudut Pewartaan dan Perlindungan Tapak Warisan. *Kertas Seminar*. Seminar Batu Megalitik 2017. Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan. 21 November 2017.
- Samsudin, A., Rapi, R., Damsi, S., Abdullah, J., & Molijol, P. (2015). Analisis Ruangan Taburan Megalit di Penampang dan di Kinarut. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 28:35-45.
- Suraya Sintang. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*. 18(1): 59–80.
- Yunus Sauman Sabin, Adnan Jusoh, Muhammad Termizi Hasni dan Zuliskandar Ramli. (2018). Penemuan terkini bukti kebudayaan megalitik dan pengebumian tempayan di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 31(2): 1-16.

Laman Web

Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. (2018).

Asal Mula Megalitik dalam Cerita Legenda Si Pahit Lidah. Dalam,
<https://kebudayaan.kemdikbud.go.id/bpcbjambi/asal-mula-megalitik-dalam-cerita-legenda-si-pahit-lidah/>. Diakses pada 24 Jun 2024.